



18 Julai 2019  
18 July 2019  
P.U. (B) 342

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH  
BAGI MAKSUD AWAM

*REVOCATION OF RESERVATION OF LAND  
FOR PUBLIC PURPOSE*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

## KANUN TANAH NEGARA

## PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui Pemberitahuan No. 1847/1922 yang disiarkan dalam *Warta* Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada 24 Mac 1922, pada menjalankan kuasa yang terletak hak padanya oleh seksyen 9 “Enakmen Tanah, 1911”, Residen Selangor telah mengisytiharkan bahawa petak tanah yang terletak di Mukim Batu, yang diperihalkan dalam Jadual, dan ditandakan di atas pelan ukur hasil No. 7,807 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, menjadi suatu rizab bagi maksud suatu masjid, yang disenggarakan oleh Penghulu Mukim Batu;

DAN BAHAWASANYA, melalui P.U. (B) 108/2003 yang disiarkan dalam *Warta* Kerajaan Persekutuan pada 3 Mac 2003, Kerajaan Persekutuan telah mewakilkan penjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur:

DAN BAHAWASANYA, didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

DAN BAHAWASANYA, notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual bersama dengan butir-butir mengenai masa dan tempat di mana suatu siasatan akan diadakan oleh Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, untuk mendengar mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu, telah ditampalkan mengikut seksyen 433 Kanun Tanah Negara dan juga telah disiarkan dalam *Warta* Kerajaan Persekutuan sebagai P.U. (B) 208/2019 pada 25 April 2019:

DAN BAHAWASANYA, tiada apa-apa bantahan diterima terhadap cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 64 Kanun Tanah Negara yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan dan diwakilkan kepadanya sebagaimana yang disebut terdahulu, membatalkan perizaban tanah yang diperihalkan dalam Jadual:

JADUAL

<i>Daerah</i> : Kuala Lumpur	<i>Mukim</i> : Batu	<i>No. Pelan</i> : No. 7,807
<i>Bahagian</i> : No. 2,049	<i>Luas</i> : 1 rud 30 pol	<i>Sempadan</i> : Utara, bahagian No. 2,050; Timur, bahagian No. 2,050; Selatan, akses rizab; Barat, bahagian No. 2,050

Bertarikh 4 Julai 2019

[PTG/WP(S).100-2/17/2 Jld 8; PTG/WP 11/76/2018; PN(PU2)213/XCVI]

DR. ISMAIL BIN HJ. BAKAR  
*Pengerusi*  
*Jawatankuasa Kerja Tanah*  
*Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*

NATIONAL LAND CODE

REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

WHEREAS, by Notification No. 1847/1922 published in the *Government Gazette* of the Federated Malay State on 24 March 1922, in exercise of the powers vested in him by section 9 of “The Land Enactment, 1911”, the Resident of Selangor has proclaimed that the parcel of land situated in the Mukim of Batu, described in the Schedule hereto, and delineated upon revenue survey plan No. 7,807 deposited in the Department of Survey and Mapping Malaysia, to be a reserve for the purpose of a mosque, to be maintained by the *Penghulu* of the Mukim of Batu;

AND WHEREAS, by P.U. (B) 108/2003 published in the *Gazette* of the Government of the Federation on 3 March 2003, the Government of the Federation has delegated the exercise of its powers under section 64 of the National Land Code [Act 56/1965] to the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur:

AND WHEREAS, it now appears expedient to the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur that the whole of the aforesaid reservation be revoked:

AND WHEREAS, notice of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as described in the Schedule together with details of the time and place at which an enquiry would be held by the Land Administrator of the Federal Territory of Kuala Lumpur at the Office of Director of Lands and Mines of the Federal Territory of Kuala Lumpur, to hear any person desiring to object to such revocation, was affixed in accordance with section 433 of the National Land Code and was also published in the *Gazette* of the Government of the Federation as P.U. (B) 208/2019 on 25 April 2019:

AND WHEREAS, no objection to the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as described in the Schedule was received:

NOW THEREFORE, the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur, in exercise of the powers under section 64 of the National Land Code conferred upon the Government of the Federation and delegated to it as aforesaid, revokes the reservation of the land described in the Schedule:

SCHEDULE

*District* : Kuala Lumpur

*Mukim* : Batu

*Pelan No.* : No. 7,807

*Portion* : No. 2,049

*Area* : 1 rood 30 poles

*Boundaries* : North, portion

No. 2,050; East, portion No. 2,050 ; South, access reserve ; West, portion No. 2,050

Dated 4 July 2019

[PTG/WP(S).100-2/17/2 ]ld 8; PTG/WP 11/76/2018; PN(PU2)213/XCVI]

DR. ISMAIL BIN HJ. BAKAR  
*Chairman*  
*Land Executive Committee*  
*Federal Territory of Kuala Lumpur*